

**MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)  
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA  
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KELIMA BELAS  
PADA HARI KHAMIS, 16 MEI 2024, JAM 9.30 PAGI**

**SUSUNAN PERKARA-PERKARA MESYUARAT**

- 1. DOA.**
- 2. PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER DEWAN NEGERI JOHOR.**
- 3. SOALAN LISAN**

**YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)  
SOALAN 1 (A140)**

Mohon nyatakan pelaburan baru dari dalam dan luar negara di negeri Johor pada tahun 2023 hingga kini.

**YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)  
SOALAN 2 (A89)**

Di bawah Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim terdapat modul Keluarga Sakinah yang sekian lama diperkenalkan dalam masyarakat. Sejauh manakah keberkesanan Modul Keluarga Sakinah yang diperkenalkan dalam mencegah penderaan kanak-kanak dan apakah program di bawah modul tersebut?

**YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)  
SOALAN 3 (A76)**

Isu kehidupan haiwan liar (gajah) semakin menjadi-jadi sehingga berada dalam kawasan penempatan penduduk dan memusnahkan harta benda serta tanaman. Mohon perkongsian apakah gerak kerja yang telah diambil dan cadangan langkah-langkah keselamatan yang perlu dilakukan oleh penduduk semasa serangan gajah?

**YB TUAN HAJI ABD. MUTALIP BIN ABD. RAHIM (LAYANG-LAYANG)  
SOALAN 4 (A28)**

Terdapat aduan berkaitan kekurangan guru Sekolah Agama Kerajaan Johor, apakah langkah-langkah mengatasi masalah tersebut?

**YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)**  
**SOALAN 5 (A194)**

Apakah langkah yang diambil oleh kerajaan dalam usaha untuk memperkasakan pusat sembelihan berlesen di negeri Johor, seterusnya memastikan pematuhan halal dipatuhi oleh pengusaha pusat sembelihan tersebut bagi memastikan produk daging yang dikeluarkan bersifat Halalan Toiyyiban?

**YB DATUK HAJI RAMLEE BIN BOHANI (KEMPAS)**  
**SOALAN 6 (A221)**

Apakah tindakan pihak PKPJ dalam menangani masalah lambakan kereta dan lori yang usang di PPR Permai Kempas yang mengakibatkan terhadnya petak parkir dan kesesakan lalu lintas.

**YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)**  
**SOALAN 7 (A96)**

Berapakah jumlah peruntukan dibelanjakan untuk membaiki lampu jalan di dalam DUN Kemelah Januari 2022 hingga Disember 2023 dan apakah langkah kerajaan untuk membaiki kerosakan lampu jalan raya sedia ada dengan lebih efektif?

**YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)**  
**SOALAN 8 (A83)**

Berapakah standard jumlah murid setiap bilik darjah yang disarankan oleh KPM dan pakar bidang pendidikan? Berapa bilangan bilik darjah SMK dan SRK yang melebihi jumlah standard? Bagaimana pula kaedah pengauditan kecekapan sistem pencegahan kebakaran dan pengauditan kebersihan tandas sekolah-sekolah.

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)**  
**SOALAN 9 (A215)**

Gerai MPK Jalan Panggung Kluang yang bersejarah selama 40 tahun telah sangat uzur malah sebahagiannya telah runtuh, memerlukan baik pulih dan naik taraf. Bolehkah MPK membaikpulih secara berfasa dengan peruntukan pembangunan tahunan daripada KPKT?

**YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)**  
**SOALAN 10 (A87)**

Apakah usaha kerajaan untuk membantu usahawan-usahawan tani muda yang mempunyai kesukaran untuk memiliki tanah bagi melaksanakan projek pertanian mereka.

**YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)**

**SOALAN 11 (A2)**

Apakah usaha dan inisiatif yang telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri untuk membantu dan menggalakkan orang muda bergiat aktif dalam sektor pertanian bagi memastikan keterjaminan makanan dapat diperkasakan?

**YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)**

**SOALAN 12 (A37)**

Adakah kerajaan mempunyai perancangan atau menyediakan sejumlah peruntukan bagi pencahayaan di kawasan tanah-tanah perkuburan dalam daerah Mersing?

**YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)**

**SOALAN 13 (A143)**

Apakah status Projek Pemasangan Meter Pintar yang dilaksanakan oleh TNB di seluruh Johor? Sila bagi jadual pelaksanaan mengikut pecahan daerah.

**YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)**

**SOALAN 14 (A99)**

Pada bulan April yang lalu, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor telah melancarkan satu inisiatif pemberian Bantuan Kewangan Pertubuhan Kebajikan Pemulihan Dalam Komuniti Tahun 2024. Apakah bentuk bantuan tersebut dan ianya akan terus disalurkan kepada siapa?

**YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)**

**SOALAN 15 (A48)**

Bagaimana penggunaan smart tv boleh memberi impak kepada sesi pembelajaran pelajar di sekolah. Apakah ada kajian jumlah kekurangan smart tv di sekolah-sekolah dan bagaimana kerajaan negeri boleh memainkan peranan untuk membantu.

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)**

**SOALAN 16 (A220)**

Berapakah jumlah pelaburan asing yang telah direalisasi, dan berapakah peluang pekerjaan dicipta, pada tahun 2023 dan suku pertama 2024?

**YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)**

**SOALAN 17 (A31)**

Adakah terdapat usaha oleh PBT dalam melaksanakan sistem lampu jalan pintar agar keberkesanan pemantauan dan pengurusan kerosakan lampu dapat dipertingkatkan?

**YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)**  
**SOALAN 18 (A146)**

Memandangkan Projek Jalan Pintas Bandar Kulai (Kulai Bypass) sehingga kini belum diangkat kerajaan persekutuan, adakah kerajaan negeri membuat cadangan mengikut fasa dan fokuskan berperingkat Taman Aman – Indahpura, supaya dapat menyuraikan masalah kesesakan lalu lintas di Pekan Senai yang semakin serius?

**YB PUAN HASLINDA BINTI SALLEH (TENANG)**  
**SOALAN 19 (A98)**

Apakah perancangan program kerajaan negeri keseluruhan daerah bagi tujuan memantapkan ilmu pengetahuan pegawai masjid dan surau selain tugas-tugas yang berkaitan sebagai tempat rujukan ahli kariah.

**YB CIK NORLIZAH BINTI NOH (JOHOR LAMA)**  
**SOALAN 20 (A184)**

Johor Lama merupakan kawasan yang penuh dengan tempat-tempat bersejarah dan ianya juga merupakan asal muasal pembentukan negeri Johor yang kita cintai hari ini. Apakah langkah Kerajaan Negeri Johor dalam usaha memulihara kawasan pekarangan makam-makam lama di kawasan DUN Johor Lama?

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)**  
**SOALAN 21 (A199)**

Adakah kerajaan berhasrat untuk mengkaji semula caj permit masuk hutan simpan bagi tujuan rekreasi.

**YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)**  
**SOALAN 22 (A127)**

Mengikut data kadar pengangguran di Johor hanya 2.9%, berapakah jumlah rakyat Malaysia keseluruhan dan rakyat Johor yang bekerja di Singapura ketika ini?

**YB DATUK HAJI RAMLEE BIN BOHANI (KEMPAS)**  
**SOALAN 23 (A223)**

Adakah pihak PBT ada menjalankan semakan semula bersama pihak IWK berkaitan had sempadan penyelenggaraan unit strata agar tiada pertindihan berkaitan caj penyelenggaraan IWK seperti yang berlaku di kawasan blok Taman Cempaka?

**YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)**  
**SOALAN 24 (A39)**

Adakah kerajaan bercadang dan bersedia untuk membina benteng pemecah ombak sepanjang persisir pantai bermula daripada Kuala Mersing sehingga kampung Sri Lalang kerana saban tahun jika air pasang besar dan kuat, air laut akan melimpah hingga jalan raya dan hakisan berlaku.

**YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)**  
**SOALAN 25 (A93)**

Apakah status terkini berkaitan permohonan perumahan bersepadu generasi kedua bagi fasa 2 di FELDA Redong 1.

**YB TUAN TAN CHONG (BEKOK)**  
**SOALAN 26 (A166)**

Pihak TNB Sdn. Bhd dikhabarkan telah mengenakan kadar bayaran lampu jalan yang dipasang di kawasan Masjid dan Surau dengan kadar RM 50.00 sebuah. Adakah perkhabaran ini benar dan saya mohon penjelasan lanjut daripada pihak kerajaan negeri.

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)**  
**SOALAN 27 (A17)**

Berapakah jumlah "charging station" bagi kenderaan EV yang telah dibina di Johor dan apakah insentif-insentif yang disediakan kerajaan negeri bagi menggalakkan lagi penggunaan EV di kalangan rakyat serta menggalakkan pembekal perkhidmatan untuk memasang charging station di negeri ini?

**YB CIK AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)**  
**SOALAN 28 (A133)**

Salah satu syor Jawatankuasa Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana yang dikemukakan kepada kerajaan negeri ialah mengkaji pelaksanaan urus niaga kredit karbon. Mohon kerajaan negeri perjelaskan status kajian ini dan langkah-langkah persediaan kerajaan negeri untuk pelaksanaan urus niaga kredit karbon.

**YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)**  
**SOALAN 29 (A178)**

Memandangkan kegunaan kenderaan elektrik yang semakin meningkat, senaraikan bilangan "EV Charging" untuk kegunaan orang awam dalam Negeri Johor dan apakah usaha kerajaan dalam meningkatkan lagi pemasangan Charger untuk menampung permintaan.

**YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)**  
**SOALAN 30 (A68)**

Minta dinyatakan sama ada kerajaan negeri akan mencadangkan persempadanan baru Kawasan Dewan Undangan Negeri sebagai langkah memenuhi matlamat SDG dan mencapai status Negeri Johor Maju pada tahun 2030.

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)**  
**SOALAN 31 (A18)**

Sila nyatakan status terkini Projek Pembinaan Pusat Pentadbiran Daerah Tangkak.

**YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)**  
**SOALAN 32 (A202)**

Dengan pertumbuhan penggunaan kenderaan elektrik yang semakin meningkat, adakah pihak kerajaan negeri bersedia untuk mempertimbangkan penambahan stesen cas kenderaan elektrik di daerah Kulai?

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)**  
**SOALAN 33 (A15)**

Sila nyatakan perbandingan jumlah hasil sektor pelancongan yang dikutip bagi tahun 2022 dan 2023 serta langkah-langkah meningkatkan hasil untuk tahun 2024.

**4. SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH TITAH DULI YANG AMAT MULIA TUNKU MAHKOTA ISMAIL, PEMANGKU SULTAN JOHOR.**

-----  
-----  
----- ( Penggulangan YB Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa) -----  
-----  
-----

**Persidangan ditangguhkan sehingga hari Ahad, 19 Mei 2024, jam 9.30 pagi.**